



SYAHIR (kanan) dan Laylatun (kiri) bersama rakan-rakan sepasukan pada Malam Penghargaan Sukan Dan Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Anugerah suntik semangat

HARIAN METRO (SETEMPAH) 20/3 m/s 49
■ Atlet Petanque dinobat Olahragawan Universiti Malaysia Pahang

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah
 sruh@hmetro.com.my
 Kuantan

Anugerah ini memberi suntikan semangat untuk saya terus mencipta kecemerlangan di peringkat antarabangsa," kata atlet sukan petanque Mohammad Syahir Syahmi Hassan, 22, yang dinobatkan Olahragawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini.

Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal itu mengharumkan nama negara apabila meraih pingat gangsa bagi acara triple lelaki pada Kejohanan Petanque Asia-Pasifik ke-18 di Laos, tahun lalu.

Dia juga meraih dua pingat emas dalam acara sarna pada kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014.

Dia terharu dengan pengiktirafan itu yang menggalakkan penyertaan lebih ramai bakat baru dalam sukan berkenaan.

"Ini kali pertama saya menerima anugerah dan sudah tentu menjadi pendorong untuk mencapai lebih banyak kejayaan pada masa depan," katanya selepas menerima anugerah itu daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Datuk Dr Yusarie Zainuddin pada Majlis Pengharga-

aan Sukan dan Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan UMP 2014 di sini, kelmarin.

Seramai 18 atlet menerima insentif kecemerlangan antara RM200 hingga RM700 selain empat pasukan iaitu petanque, sepak takraw, futsal dan bola keranjang.

Anugerah Olahragawati UMP dimenangi atlet petanque universiti itu Laylatun Qadrina Amrizal, 20, yang menggondol satu emas pada acara sama pada MASUM 2014.

Laylatun Qadrina yang juga pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik berkata, pengiktirafan itu membuktikan seseorang pelajar mampu mencapai kejayaan dalam bidang sukan walaupun pada masa sama perlu mengikuti sesi pengajaran.

Sukan petanque menggondol tiga lagi anugerah apabila dua lagi atletnya, Mohammad Syazwan Fauzi dan Nur Amirah Mohd Nasai dinobatkan sebagai Olahragawati dan Olahragawati Harapan UMP 2014 manakala pegawaiannya, Nurfazilah Amin Nordin dipilih sebagai penerima Anugerah Penyelaras Terbaik.

Jurulatih pasukan sepak takraw UMP Ahmad Suhaimi Abd Rashid pula menerima Anugerah Jurulatih Terbaik manakala Anugerah Pasukan Terbaik dimenangi skuad bola keranjang.

FAKTA
 18 atlet terima insentif kecemerlangan RM700